

<http://thenusantaradaily.com/cipta-alat-pengesan-kualiti-buah-nanas-pasukan-malaysia-juarai-imagine-cup-asia-2018/>

**6 April 2018**

**Ciptaalatpengesankualitibuah nanas, pasukan Malaysia juarai Imagine Cup Asia 2018**



**Pasukan Malaysia (darikiri) Zulnazim Dzulkurnain, Tan Yit Peng dan Yap Xien Yin, tidak sabar untuk mencipta sejarah baharu bagimu mengungguli Imagine Cup peringkat dunia Julai ini. – Astro AWANI**

KUALA LUMPUR: Pasukan dari Malaysia, The Pine, berjaya mengharumkan nama negara apabila muncul juara Imagine Cup 2018 peringkat Asia anjuran Microsoft Corporation di ibunegara.

Hasil ciptaan alat pengesan kualiti buah nanas oleh tiga pelajar Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) itu, berjaya menjulang nama Malaysia lebih-lebih lagi apabila negara ini menjadituan rumah buat kali pertama dalam sejarah ke dua kejohanan tersebut.

Menurut ketua pasukan, Tan Peng Yit, idea penciptaan alat pengesan kualiti buah nanas merupakan idea bersama penyarahnya ketika menjalan projek akhir tahun.

“Kebiasaannya, buah nanas dipotong untuk menilai tahap kualiti.

“Penggunaan alat ini mampu memudahkan petani untuk menilai kualiti buah nanas dengan mudah dan pantas, serta mengurangkan pembaziran buah yang dipotong,” kata beliau ketika ditemubual Astro AWANI selepas diumumkan sebagai juara.

Bagirakan sepasukannya, Yap Xien Yin, kemenangan itu menjadikannya semangat kepada mereka untuk mencipta sejarah di Amerika Syarikat (AS).

“Kami tidak sabar untuk bertanding di AS. Ciptaan ini juga akan ditambah baik kerana di AS, kami akan membawa projek yang sama dan menyasarkan untuk beradaptasi kepada kedudukannya di teratas,” ujarnya.

Pasukan negara akan bersaing dalam kejuaraan dunia pada bulan Julai ini serta membawa pulang sebuah piala dan wang berjumlah AS\$3,000 (RM11,600).

Imagine Cup merupakan satu kejohanan teknologi dan inovasi yang terdiri daripada pelajar universiti dan dipertandingkan di setiap benua sebelum berentap ke kejohanan dunia di Seattle, AS.